

17 JUN 1997

Mahathir-Perniagaan

DR MAHATHIR GESA USAHAWAN LUBNAN LABUR DI ASEAN

Oleh: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menemui masyarakat usahawan Lubnan dan menggesa mereka supaya menjadikan Malaysia pusat pengeluaran dan pengedaran produk mereka ke rantau Asia Tenggara yang mempunyai hampir 500 juta orang penduduk.

Perdana Menteri berkata walaupun sesetengah negara mempunyai harga tanah yang murah, kadar sewa dan bayaran gaji yang rendah, Malaysia sebaliknya dapat menawarkan kerajaan yang stabil, kukuh dan mesra perniagaan dengan dasar-dasar yang konsisten serta persekitaran yang selamat dan sihat untuk membantu pelabur berjaya tanpa halangan.

Apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dilaksanakan sepenuhnya pada 2003, terdapat satu pasaran tunggal Asean yang menawarkan produk pengeluaran Asean dengan tarif tidak lebih lima peratus dan kebanyakannya pula tidak langsung dikenakan tarif," katanya pada jamuan malam anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Lubnan di sini.

Dr Mahathir dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Lubnan, negara Asia Barat yang sedang membina semula ekonominya selepas mengalami perang saudara dan pencerobohan tentera negara jiran.

Perdana Menteri diiringi delegasi perniagaan termasuk Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli, Pengerusi Kumpulan Bank Arab-Malaysia Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Eksekutif DRB-Hicom Datuk Mohd Saleh Sulong dan Pengerusi Kumpulan Berjaya Tan Sri Vincent Tan.

Perdana Menteri berkata bahawa tahun lepas, negara-negara Asean mencatat pertumbuhan sekitar tujuh peratus manakala perdagangan sesama Asean berjumlah US\$130 bilion (US\$1=RM2.5)

Dengan kemasukan Laos, Kemboja dan Myanmar dalam kumpulan serantau ini menjadikan kesemua 10 anggota, penduduk Asean adalah sebanyak 500 juta orang.

"Sudah tiba masanya Lubnan melibatkan diri dengan ekonomi Malaysia dan Asia Tenggara. Kerjasama dengan Malaysia dapat membantu dalam proses ini," katanya.

Dr Mahathir menyarankan supaya syarikat-syarikat pengeluaran Lubnan mewujudkan usaha sama dalam beberapa sektor dengan rakan kongsi Malaysia.

Sektor-sektor itu ialah industri berasaskan sumber seperti getah, balak, kelapa sawit, sektor berasaskan pertanian seperti penanaman dan pemprosesan buah-buahan dan sayur-sayuran, industri sampingan dan sokongan bagi menyediakan hubungan untuk mewujudkan industri-industri lebih besar seperti acuan dan pengeluaran jentera dan alat ganti perindustrian serta produk kejuruteraan.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat Malaysia juga berminat menyertai pelbagai sektor pembangunan di Lubnan seperti pembangunan infrastruktur, perumahan dan pembinaan, rangkaian telekomunikasi, penjana dan pengedaran kuasa, sektor perbankan dan kewangan.

Selain barangan elektronik dan elektrik, Perdana Menteri berharap pelabur Lubnan akan mula menyalurkan produk lain seperti bahan-bahan binaan, kimia, peralatan dan bekalan perubatan, barangan makanan, produk berasaskan kayu dan plastik, barangan isi rumah, alat ganti dan aksesori automobil.

"Saya berharap kita bersama dapat menghasilkan lebih banyak produk-produk nilai tokok daripada barangan-barangan ini untuk dieksport ke pasaran-pasaran lain di Asia Barat," katanya.

Sambil menyifatkan lawatannya ke Lubnan sebagai tanda kesungguhan

Malaysia untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia membantu menyediakan iklim sesuai untuk perdagangan dan pelaburan, yang menarik lebih 3,000 syarikat pengeluaran dari 35 negara.

Malaysia dan Lubnan menandatangani Perjanjian Perdagangan dua hala pada 1995 untuk membantu peniaga memperluaskan perniagaan mereka di kedua-dua negara.

Walaupun memihak kepada Malaysia, perdagangan antara kedua-dua negara masih lagi kecil dengan perdagangan berjumlah RM16.5 juta dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini. Tahun lepas, jumlah perdagangan ialah RM55.7 juta.

Antara eksport Malaysia ke Lubnan ialah peralatan dan alat ganti pemanas dan penyejuk, alat penerima siaran televisyen, minyak kapal terbang, barangan getah dan minyak sayur yang diproses manakala import dari Lubnan ialah barangan cetak dan mesin pemproses makanan.

Pada masa ini, MAS mengadakan penerbangan dua kali seminggu ke Beirut melalui Dubai manakala syarikat penerbangan nasional Lubnan, Middle-East Airlines, mengadakan penerbangan seminggu sekali ke Kuala Lumpur.

Siang tadi, Dr Mahathir melawat Solidere, syarikat Lubnan untuk pembangunan dan pembinaan semula wilayah Beirut dan diberi taklimat oleh pengerusinya Dr Nasser Chamaa.

Perdana Menteri juga melawat bandar pelabuhan Sidon untuk meninjau peluang perniagaan bagi firma-firma Malaysia. Beliau juga melawat tugu-tugu lama di bandar raya itu termasuk Masjid Besar dan Kota Sidon. --BERNAMA

MOK NAK MAI